



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

MERAIH KEUTAMAAN SYAABAN

Tarikh Dibaca:

**6 SYAABAN 1445H /
16 FEBRUARI 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MERAIH KEUTAMAAN SYAABAN

16 FEBRUARI 2024 / 6 SYAABAN 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلِكُلِّ وِجْهٍ هُوَ مُوْلَيْهَا فَإِنْ شَاءَتْ أَتَيْنَاهُ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ الْلَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ

كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٦﴾ (سورة البقرة)

أَشَهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau leka dengan telefon bimbit. Mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini saya ingin membicarakan khutbah bertajuk: “**Meraih Keutamaan Syaaban**”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang semakin teruk ditindas oleh rejim zionis Israel yang serangannya kini telah pun sampai ke Rafah. Bukan hanya kemusnahan harta benda, kehilangan nyawa orang awam terutamanya wanita dan kanak-kanak, bahkan mereka kini diancam kebuluran kerana kekurangan bekalan makanan dan sebagainya. Maka teruslah bermunajat kepada Allah SWT memohon pertolongan buat mereka dan janganlah lupakan mereka. Semoga mereka semua diberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan dalam mematahkan segala muslihat dan tipu daya rejim zionis *laknatullahi 'alaihim*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita hari ini sudah pun berada pada hari keenam dalam Bulan Syaaban. Bererti lebih kurang hanya tinggal 24 hari sahaja lagi kita akan tiba ke Bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan kelebihan. Semoga kita semua diberi kesempatan untuk bertemu sekali lagi dengan Ramadan tahun ini bagi merebut kelebihan yang dijanjikan dalam bulan tersebut. *Insya-Allah.*

Sementara keberadaan dalam Bulan Syaaban juga, marilah kita manfaatkan masa yang ada untuk terus menggandakan amal soleh dan meningkatkan ketaatan kepada Allah SWT kerana Bulan Syaaban juga memiliki beberapa kelebihan dan keutamaannya tersendiri. Amal-amal kebajikan yang kita lakukan itu juga nanti akan menjadi bekal di hari akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 148 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujuinya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Beberapa keutamaan Syaaban yang saya ingin kongsikan dalam khutbah kali ini ialah;

Pertama: Rasulullah SAW banyak berpuasa dalam Bulan Syaaban. Diriwayatkan dari A'isyah *radhiyallahu 'anha*, beliau berkata, “Rasulullah SAW selalu berpuasa sehingga kami mengatakan baginda tidak pernah berbuka; dan pernah baginda sentiasa berbuka

hingga kami mengatakan baginda tidak pernah berpuasa. A'isyah *radhiyallahu 'anha* meneruskan lagi,

...وَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ إِلَّا رَمَضَانَ ، وَمَا رَأَيْتَهُ أَكْثَرَ صِيَاماً مِنْهُ فِي شَعَابَنَ

"Aku tidak melihat Rasulullah SAW menyempurnakan puasa sebulan, kecuali Ramadan. Dan aku tidak melihat baginda berpuasa lebih banyak dari bulan-bulan yang lain melainkan pada Bulan Syaaban". (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim**)

Kedua: Diangkatnya amalan dalam bulan ini. Berdasarkan hadis dari Usamah bin Zaid RA, beliau mengatakan, "Aku bertanya, 'Wahai Rasulullah! Saya tidak melihat kamu berpuasa pada sesuatu bulan seperti kamu berpuasa pada Bulan Syaaban'. Baginda SAW menjawab,

ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفِلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ، فَأَحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

"Bulan itu, banyak manusia yang lalai, iaitu (bulan) antara Rejab dan Ramadan, bulan diangkatnya amal-amal kepada Rabb semesta alam, dan aku ingin amalku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa". (**Hadis riwayat Imam An-Nasaa'i dan Imam Ahmad**)

Ketiga: Malam Nisfu Syaaban. Berdasarkan sabda Rasulullah SAW,

يَطَّلِعُ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى إِلَى خَلْقِهِ لِيَلَةَ النِّصْفِ مِنْ شَعَابَنَ، فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاجِّنٍ

"Allah Tabaraka wa Ta'alaa melihat kepada makhluk-Nya pada malam Nisfu Syaaban, lalu Dia mengampuni seluruh makhluk-Nya kecuali orang musyrik dan orang yang bermusuhan". (**Hadis riwayat Ibnu Majah**)

Maka ini merupakan peluang bagi setiap Muslim untuk meraih redha Allah SWT dan keampunan-Nya iaitu dengan memperbaiki hubungan silaturahim sesama manusia bermula hubungan dengan ibu bapa dan ahli keluarga seterusnya dengan masyarakat umumnya, serta menghilangkan kedengkian antara satu sama lain, juga dalam masa yang sama bertaubat dari segala dosa dan kederhanaan kepada Allah SWT seperti dosa meninggalkan solat, dosa zina, serta dosa terhadap manusia seperti hasad dengki, mengumpat dan memfitnah, menghina, melaga-lagakan orang lain, dan lain-lain lagi.

Selain itu, perbanyakkanlah membaca al-Quran dan merenungi maksudnya, bersedekah sama ada dalam bentuk makanan, wang ringgit atau apa-apa keperluan lain, mendirikan solat malam, melazimi *zikrullah*, atau membantu dan memudahkan urusan-urusan orang lain yang sakit, kesempitan dan sebagainya, atau mendamaikan orang-orang yang bertelagah. Semoga semua amal-amal kebaikan yang kita lakukan itu nanti akan mendekatkan kita kepada Allah SWT dan beroleh keredhaan-Nya.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Justeru, bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Setiap amal kebijakan yang kita lakukan ketika di atas dunia akan menjadi bekal yang dibawa ke hari akhirat kelak untuk menerima balasan.

Kedua: Bulan Syaaban juga turut memiliki beberapa keutamaan dan kelebihan antaranya keampunan Allah SWT pada malam Nisfu Syaaban.

Ketiga: Bulan Syaaban juga merupakan medan untuk setiap umat Islam melatih diri dan melakukan persediaan sama ada dari segi kerohanian dan jasmani lebih-lebih lagi dalam persediaan menuju Ramadan al-Mubarak.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid ayat 21:

سَابِقُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٌ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَعْدَثْ لِلَّذِينَ ظَاهَرُوا

بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan

Rasul-rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِيلِي مِنْكُمْ وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْرِي
مُولِيَا سَرِي قُدوَّكَ بِكِينِدا يُغْرِي د- فُرْتوَانَ اكْنُوْغْ سُلْطَانَ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُغْرِي مُهَا مُولِيَا سَرِي قُدوَّكَ بِكِينِدا راجِ فُرْمايِسُورِي اكْنُوْغْ، راجِ
زَارِيَثُ صُوفِيَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوزَرَاءَهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلَى كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَاتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،
اللَّهُمَّ أَحْصِمْ عَدَّهُمْ عَدَّاً، وَاقْتُلْهُمْ بَدَّاً، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَوَنَهُمْ، بَاسْكَ الَّذِي لَا يُرِدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ، اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،
تَرْمِيهِمْ بِحَجَارَةٍ مِنْ سَجِيلٍ، بَجْلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ، اللَّهُمَّ بَدَّ شَمْلَهُمْ، وَفَرِقْ
جَمْعَهُمْ وَشَتَّتَ كَلْمَتَهُمْ، وَزَلَّلَ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلَطْ عَلَيْهِمْ كَلَّا مِنْ كَلَّابِكَ، يَا قَهَّارَ، يَا
جَبَّارَ، يَا مُنْتَقِمَ يَا اللَّهُ، اللَّهُمَّ يَا مُنْزَلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِي السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَخْزَابِ،
إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! وَانْصُرْ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.